

23/11/1998

Kraftangan perlu teknologi moden

Dzulkfley Zanudin; Azmi Md Deros

KUALA KANGSAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengusaha industri kraftangan tempatan menggunakan teknologi moden dalam aktiviti pengeluaran mereka bagi meningkatkan mutu keluaran masing-masing setaraf barangan import.

Perdana Menteri berkata, dengan cara itu industri berkenaan mampu memenuhi permintaan pasaran tempatan dan membolehkan import barangan seumpama itu dikurangkan.

Menurutnya, kerajaan yakin penggunaan teknologi moden sesuai dilaksanakan dalam pengeluaran barangan kraftangan, terutama cenderamata kerana pengusaha dan pekerja mereka berkebolehan mengendalikannya.

"Saya fikir kita patut guna kebolehan ini untuk segala keperluan kita (industri kraftangan tempatan).

"Kita tak perlu lagi nak beli dari luar negara kerana kita nak kurangkan pengaliran mata wang dan pada masa yang sama dapat memajukan industri tempatan," katanya kepada pemberita selepas melawat kilang Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd, di sini petang ini.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah serta Pengarah Urusan Mariwasa, Datuk Megat Abdul Wahab Megat Abu Bakar.

Mariwasa yang ditubuhkan pada 1985 mengeluarkan pelbagai barangan kraftangan dan cenderamata, termasuk yang diperbuat daripada timah, perak dan pewter.

Kilang itu mendapat penghormatan baru-baru ini apabila ia dilantik untuk membuat baton Ratu Elizabeth bagi kegunaan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98). Selain untuk pasaran tempatan, produk keluaran syarikat itu dieksport beberapa negara, termasuk ke Timur Tengah.

Dr Mahathir turut menyatakan kekagumannya terhadap kualiti dan daya inovatif syarikat terbabit dalam menghasilkan produknya sehingga membolehkan ia bersaing di pasaran antarabangsa.

"Sebagai contoh, syarikat ini turut menggunakan Labu Sayung yang disalut dengan perak atau pewter, menjadikan ia produk inovatif yang baru dan belum ada di negara lain," katanya.

Menurut beliau, antara teknologi baru yang boleh digunakan oleh kilang itu, ialah dari Jepun yang menggunakan laser untuk menghasilkan 'leaf etching', iaitu menghasilkan gambar pada logam melalui pemindahan imej.

Penggunaan teknologi moden itu, katanya, membolehkan sesuatu produk disiapkan lebih cepat dalam skala besar bagi syarikat tempatan menembusi pasaran dunia.

Beliau berkata, industri kraftangan itu jika dibangunkan dapat membantu mewujudkan industri kecil dan hiliran lain bagi membekalkan komponen yang diperlukan.

(END)